

Anugerah UKM Mobility Outbound Student ASEAN University Network – ASEAN Credit Transfer System (AUN-ACTS)

Sukacita dimaklumkan bahawa UKM di bawah penyelarasan Pejabat hubungan Antarabangsa (PHA) membuka pencalonan kepada pelajar prasiswazah untuk mengikuti program pertukaran pelajar (akademik ber kredit) di bawah jaringan ASEAN University Network (AUN) yang mempunyai kerjasama dengan 25 buah universiti di ASEAN.

Seramai 5 orang pelajar prasiswazah akan dipilih sebagai penerima Anugerah UKM Mobility Outbound Student ASEAN University Network – ASEAN Credit Transfer System (AUN-ACTS) bagi semester 1 sesi 2012/2012. Pelajar

Syarat-syarat dan kriteria permohonan seperti berikut:-

1. Pelajar yang sedang mengikuti program Sarjana Muda dan berdaftar sepenuh masa di UKM.
2. Pelajar bertaraf warganegara Malaysia.
3. Pelajar telah mengikuti program pengajian sekurang-kurangnya dua semester.
4. Pelajar harus mengikuti program yang setara untuk pemindahan kredit serta telah mendapat kelulusan Fakulti.
5. Mempunyai pencapaian akademik PNGK 3.0 ke atas dan minimum MUET band 3.
6. Pelajar yang terpilih menerima anugerah ini akan diberikan dana yang merangkumi:
 - a. Tiket kapal terbang.
 - b. Penginapan dan elaun pelajar mengikut negara.
7. Pelajar layak menerima dana sekali sahaja dalam tempoh pengajian di UKM.
8. Pelajar perlu membuat permohonan secara dalam talian di laman web <http://acts.ui.ac.id/>.
9. PHA akan menghubungi pelajar bagi tujuan temuduga.
10. Jawatankuasa Program Mobiliti Pelajar akan menentukan jumlah tajaan yang diluluskan untuk setiap pelajar. Keputusan adalah muktamad.
11. Pemohon perlu mendapatkan kelulusan ke luar negara daripada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan PDRM dengan mengisi borang permohonan pelajar ke luar negara.

Sekian, terima kasih.
